

23/02/2002

Tambahan ringgit terus dikekalkan

MALAYSIA akan terus mengekalkan langkah penetapan ringgit pada RM3.80 berbanding dolar Amerika yang dilaksanakannya sejak 1998 bagi memastikan kekukuhan asas ekonomi negara.

Penolong Gabenor Bank Negara, Latifah Merican Cheong, berkata kadar tukaran ringgit pada RM3.80 akan terus dikekalkan bagi menggalakkan kegiatan pelaburan dan perdagangan.

Rejim kadar pertukaran tidak perlu ditukar hanya kerana pembangunan jangka pendek, katanya mengulas spekulasi kemungkinan kerajaan meminda kadar penetapan itu.

Beliau menegaskan penurunan kadar pertukaran mata wang seperti aliran kejatuhan nilai yen yang berlaku kini adalah satu perkembangan yang akan bersifat sementara.

"Sebarang pertukaran rejim mata wang perlu memelihara perubahan struktur serantau dan ekonomi domestik," katanya dalam satu seminar di Kuala Lumpur, semalam.

Sehubungan itu beliau berkata, langkah Malaysia pada masa sekarang sebenarnya turut memperkukuhkan daya tahan negara untuk menghadapi ketidaktentuan pasaran yang lebih besar.

"Jika ia mampu menggalakkan pertumbuhan kegiatan perdagangan dan pelaburan, maka tidak perlulah ia dipinda," katanya.

Bulan lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia mungkin menyemak semula dasar mata wangnya jika nilai yen merosot kepada 140 berbanding dolar.

Beliau berkata, satu lagi perkembangan yang memungkinkan penilaian semula ialah jika China menurunkan nilai mata wang atau mata wang serantau susut hingga 20 peratus.

Sementara itu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata langkah itu bagaimanapun dijangka tidak akan berlaku dalam tempoh terdekat.

Kerajaan mula melaksanakan dasar penetapan ringgit berbanding dolar sebagai sebahagian daripada langkah kawalan modal pada 1998 berikutan kegawatan ekonomi serantau.

Sementara itu, Bank Negara dalam kenyataannya semalam mengumumkan Rizab Antarabangsanya meningkat RM1.1 bilion atau AS\$287 juta kepada RM118.6 bilion atau AS\$31.2 bilion sehingga 15 Februari lalu.

Bank Negara berkata, aliran masuk itu mencerminkan peningkatan penghantaran pulang pendapatan eksport dan aliran masuk bersih dana portfolio.

Menurut bank pusat itu, kedudukan rizab berkenaan cukup untuk membiayai 5.2 bulan import tertangguh dan adalah 6.1 kali hutang luar jangka pendek negara.

(END)